

# Malaysia cadang tukar beli Super Hornet FA-18E/F dengan Hornet FA-18/D

UM 18 MAY 2002

SEPANG 17 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia telah mengemukakan cadangan untuk membeli pesawat Super Hornet FA-18E/F secara tukar beli dengan pesawat Hornet FA-18/D sedia ada milik negara.

Perdana Menteri berkata, menerusi cadangan tersebut, Malaysia akan dapat menggantikan jet-jet pejuang Hornet versi sebelum ini kepada jet pejuang terbaru yang lebih berkuasa dan lebih besar.

Pada masa ini, sebanyak lapan pesawat FA-18D sedane beroperasi dalam Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sejak April 1997.

“Cadangan kita ialah untuk *trade-in* (tukar beli) jet pejuang lama dengan yang baru kerana yang baru ini agak begitu superior dan besar sedikit daripada yang lama,” katanya pada sidang akhbar sekembalinya dari lawatan ke AS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau mengulas laporan *Utusan* Malaysia mengenai kenyataan Perdana Menteri sebelum ini bahawa Malaysia mungkin membeli pesawat Super Hornet FA-18E/F sekiranya tawaran tersebut menepati kehen-

dak Malaysia terutama dari segi pemerolehan sistem persenjataan terancang.

Perdana Menteri menambah, walaupun Malaysia telah mencadangkan program tukar beli, tetapi beliau dapat merasakan bahawa urusan pembelian tersebut akan memakan masa yang panjang.

Ini kerana, menurut beliau, setakat ini pentadbiran AS belum meluluskan permohonan pembelian pesawat pejuang itu daripada mana-mana negara.

*Utusan* Malaysia dalam laporan eksklusifnya pada 14 Mei lalu menyebut, Perdana Menteri berharap Malaysia tidak dikenakan batasan tertentu oleh AS dalam urusan pembelian itu bagi memastikan keupayaan maksimum pesawat tersebut.

Malaysia dikatakan kurang senang dengan amalan AS membeza-bezakan negara yang membeliengkapan pertahanan terutama pesawat pejuang.

Antara batasan yang selalu dikenakan ialah sistem persenjataan, sistem elektronik dan radar, yang elemen-elemen itu banyak menentukan keupayaan sebenar sesebuah pesawat pejuang.

Selain Super Hornet, Malaysia merancang membeli pesawat Sukhoi Su-30MK keluaran Rusia.

TUDM telah pun selesai melakukan penilaian terhadap kedua-dua jenis pesawat iaitu Su-30MK dan Super Hornet? tetapi keputusan pembelian masih belum dibuat.

TUDM kini memiliki pesawat pejuang MiG-29N buatan Rusia, FA-18/D buatan AS dan Hawk buatan Britain.

AS sangat berharap yang Malaysia akan membeli pesawat versi baru itu sama ada jenis FA-18E (satu tempat duduk) mahupun FA-18F (dua tempat duduk) yang pernah mengadakan pertunjukan di LIMA pada tahun 2001.

Berbanding FA-18/D, versi FA-18E/F mampu membawa lebih banyak sistem persenjataan termasuk peluru berpandu jarak sederhana seperti AMRAAM.

Pesawat itu juga boleh terbang untuk tempoh lebih lama serta jarak lebih jauh, kemamnuan kekal beroperasi lebih tinggi, sistem avionik dan radar lebih canggih serta mempunyai kuasa pemusnah yang lebih hebat.